

# MyCC siasat terperinci dakwaan monopoli Grab

Suruhanjaya mahu tingkat usaha kerajaan kukuhkan persaingan

Malaysia menjalankan siasatan antimonopoli lebih terperinci ke atas firma e-hailing berpangkalan di Singapura, Grab Holdings Inc, yang meningkatkan lagi usaha kerajaan untuk mengukuhkan persaingan dalam ekonomi.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Iskandar Ismail, berkata pengawal selia antimonopoli itu meningkatkan siasatannya ke atas syarikat pemula niaga berkenaan, yang mula diumumkan tahun lalu oleh Kementerian Pengangkutan.

Beliau enggan mengulas langkah spesifik diambil oleh suruhanjaya terbabit.

Siasatan dibuat susulan pelbagai aduan bermula tahun lalu yang menuduh Grab mengamalkan monopoli selepas ia membeli operasi Uber Technologies Inc di Asia Tenggara.

Wakil Grab tidak memberikan maklum balas kepada e-mel yang dihantar bagi mendapatkan kenyataan.

Pesaing Grab, Gojek merancang memasuki pasaran dengan motosikal, dengan pengurusan tertingginya bertemu Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, bulan lalu.



Grab didakwa mengamalkan monopoli selepas membeli operasi Uber Technologies Inc di Asia Tenggara.

(Foto hiasan)



Iskandar Ismail

Dr Mahathir berhasrat menurunkan kos hidup rakyat Malaysia, janji utama yang memبawanya kembali berkuasa tahun lalu.

Kerajaannya berusaha mende-

dahkan syarikat milik negara kepada persaingan dan memperkenalkan tender terbuka, antaranya dengan mengarahkan Telekom Malaysia Bhd (TM) berkongsi rangkaian kabel jalur lebar berkelajuan tinggi dengan pengendali lain.

Ia juga menimbang untuk membenarkan pengguna memilih pembekal tenaga, selain daripada syarikat utiliti negara, Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Persaingan lebih tinggi mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi perniagaan.

"Ia menghantar isyarat kepada pelabur asing yang mahu memasuki Malaysia bahawa negara ini akan menjadi lapangan persai-

ngan adil tanpa memihak syarikat tertentu disebabkan hubungan politik atau sebab lain," kata Ahli Ekonomi Asia di Capital Economics, Alex Holmes.

Sebagai sebahagian usaha kerajaan mengatasi ketirisan dalam perbelanjaan awam, Iskandar berkata, MyCC meneliti beberapa syarikat yang membida kontrak kerajaan di atas kemungkinan mengamalkan penipuan bidaan.

Mac lalu, ia berkata, lapan syarikat membentuk kartel untuk memanipulasi bidaan tender membabitkan perkhidmatan teknologi maklumat untuk institusi berkaitan kerajaan.

BLOOMBERG